

05/02/2002

Globalisasi terkawal masih sesuai diguna: PM

Hishamuddin Aun

NEW YORK, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya globalisasi terkawal iaitu yang bukan menjanjikan kebebasan mutlak dan bukan semata-mata didorong kuasa pasaran, masih sesuai dengan konsep globalisasi dokongan Barat sekarang.

Sambil menegaskan dunia mungkin gagal untuk pulih jika Barat terus memaksa versi globalisasinya ke atas seluruh dunia, Perdana Menteri berkata, Asia tidak yakin globalisasi dokongan negara Barat yang kaya adalah jawapan kepada masalah ekonomi atau pendorong pertumbuhan ekonomi.

Malah, kemusnahan ekonomi di negara Asia Timur adalah akibat globalisasi tidak dibendung melalui pengaliran masuk modal secara bebas hingga wujud pertumbuhan yang tidak pernah berlaku sebelumnya, tetapi disusuli pengaliran keluar modal secara bebas menyebabkan sesetengah negara muflis.

Sehubungan itu, katanya, cabaran bagi Asia kini ialah mempengaruhi pemikiran mengenai globalisasi serta membentuknya semula untuk mengurangkan risiko terkeluar dari sasaran hingga memusnahkan ekonomi dan negara.

"Konsep globalisasi kini bukanlah sesuatu yang keramat hingga ia tidak boleh dipinda, termasuk secara radikal jika perlu, agar bahayanya terhadap mereka yang menerima dan melaksanakannya dapat dikurangkan.

"Perdagangan bebas tidak sinonim dengan globalisasi. Jika kita terpaksa mengawal selia perdagangan supaya mendapat manfaat daripada globalisasi, kenapa tidak," katanya.

Beliau menegaskan demikian ketika berucap mengenai "Globalisasi: Cabaran-cabaran dan kesan ke atas Asia" pada majlis makan malam Jaringan Asia di Forum Ekonomi Dunia (WEF), di sini.

Dr Mahathir turut memberi analogi penentuan handikap dalam permainan golf bagi mewujudkan keseimbangan persaingan dalam perniagaan.

"Dalam perdagangan, persaingan adil hanya boleh wujud di kalangan entiti yang mempunyai kekuatan serupa secara adil kerana keadaan yang sama rata semata-mata tidak memadai.

"Pesaing mestilah setara dengan saksama. Jika kita tidak boleh menandingi mereka, maka berilah mereka handikap," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebelum 1997, negara-negara Asia menyaksikan pertumbuhan menakjubkan, termasuk Malaysia yang mencatat kadar lapan peratus selama 10 tahun berturut-turut.

Malangnya, krisis kewangan Asia Timur yang didorong oleh penurunan nilai mata wang, disusuli pengaliran keluar modal secara besar-besaran, menyebabkan kebanyakan negara berkenaan tergedai kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Impak globalisasi membabitkan aliran modal bebas ternyata membawa malapetaka. Buat beberapa tahun kini, ikhtiar memulihkan ekonomi tidak begitu berjaya. Parutnya akan kekal," katanya.

(END)